

HUBUNGAN DIPLOMATIK MELAKA-CHINA PADA ABAD KE 15 DAN KESINAMBUNGAN KERJASAMA MELAKA-CHINA ABAD KE 21

Mohd Khalil Yaakob & Syaimak Ismail

dr.syaimak@kuim.edu.my
Kolej Universiti Islam Melaka

ABSTRAK

Mengikut rekod sejarah Melayu China adalah negara yang menghulurkan perlindungan kepada kerajaan Melaka sewaktu negeri itu dilanda ancaman Siam kerana Melaka enggan membayar ufti kepada kerajaan tersebut. Amaran yang diterima Siam daripada China menyebabkan Siam mengundurkan diri daripada mengganggu ketenteraman Melaka. Situasi ini menggambarkan kekuatan China sebagai sebuah kerajaan yang memiliki kuasa yang hebat kerana berjaya membatalkan niat Siam untuk menyerang Melaka dengan hanya satu amaran tanpa perlu mencetuskan peperangan. Hubungan baik diantara dua kerajaan ini menjamin keselamatan Melaka sehinggalah Melaka jatuh ke tangan Portugis. Jalinan hubungan ini sama sekali tidak pernah berakhir bahkan berterusan sehinggalah Melaka mencapai tingkat kegemilangannya pada hari ini. Sehubungan itu, kajian ini akan membincangkan dengan lebih terperinci tentang jalinan hubungan diplomatik Melaka-China pada abad ke 15, selain itu, kajian ini juga akan melihat kepentingan kerjasama politik dan diplomatik di antara Melaka dan China bagi memajukan dan memakmurkan kerajaan Melaka pada hari ini. Kajian ini menggunakan metod perpustakaan dan kaedah penyelidikan kajian ini adalah berbentuk kualitatif.

Kata Kunci: Hubungan Diplomatik, Melaka-China, Abad ke 15, Kesinambungan, Abad ke 21

**DIPLOMATIC RELATIONS IN MELAKA-CHINA CENTURY 15
COOPERATION AND CONTINUITY OF MALACCA-CHINA
CENTURY 21**

ABSTRACT

According to the history of Chinese history, China is a state that protects the Malacca government when the state is hit by Siam's threat because Melaka refuses to pay tribute to the government. The warning received by Siam from China led Siam to resign from disturbing the peace of Melaka. This situation illustrates China's strength as a powerful empire because it overturned Siam's intention to attack Melaka with only one warning without the need to provoke war. The good relationship between these two kingdoms guarantees Malacca's security until Malacca falls into the hands of the Portuguese. This relationship has never ended even until Malacca reaches its highest level today. In this regard, this study will discuss in more detail the linkages of Melaka-China diplomatic relations in the 15th century, and this study will also see the importance of political and diplomatic cooperation between Malacca and China to advance and prosper the Melaka government today. This study uses library method and research methodology is qualitative.

Keywords: *Diplomatic Relations, Melaka-China, 15th Century, Continuity, 21st Century*

PENGENALAN

Masyarakat Cina telah menjalinkan hubungan dengan masyarakat di Kepulauan Melayu seawal tahun 221S.M lagi,¹ manakala hubungan di antara kerajaan China dan Melaka telah bermula semenjak zaman Dinasti Han (206BC-220AD).² Sewaktu kekuasaan Dinasti Han di bawah pemerintahan Maharaja Wu Ti

¹Paul Wheatley, *The Golden Khersonese: Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula before A.D. 1500*, (Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1966), 88.

²Liang Liji, *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming abad ke 15*, (Universiti Kebangsaan Malaysia: UKM, 2009), 15.

(190-87M) sudah terdapat hubungan perdagangan diantara kerajaan China dan kerajaan yang terdapat di alam Melayu. Penguasaan ke atas Deltan Calton dan Pulau Hainan telah membuka ruang dan jalan laut ke Asia Tenggara. Armada Cina telah menjelajah sehingga ke sebelah selatan dan setiap kerajaan yang terdapat di Asia Tenggara akan dihantar seorang duta secara rasmi bagi menandakan permulaan kepada sebuah hubungan. Pada waktu ini juga hubungan di antara kedua-dua belah pihak ini adalah lebih berbentuk hubungan dagang dan diplomatik.³ Bermula dari situ ramai orang Cina yang mula merantau dan menetap di negara-negara yang terdapat di Asia Tenggara.⁴

Hubungan baik ini berlanjutan sehingga kepada pemerintahan Dinasti Tang yang merupakan sebuah kerajaan yang telah mencapai kemuncak kejayaan hebat apabila pemerintahnya menggalakkan hubungan luar dengan membuka pintu kepada dunia asing di samping mengasimilasikan unsur luar bagi peningkatan Tamadun China. Kerajaan ini amat menggalakkan pertukaran dua hala dengan negeri-negeri lain terutamanya hal-hal yang melibatkan ekonomi dan kebudayaan.⁵ Sifat keterbukaan yang ditonjolkan ini memberi peluang kepada negara-negara kecil yang terdapat di Asia menjalankan aktiviti perdagangan hingga ke China kerana pada waktu itu China merupakan sebuah negara yang kuat dan mempunyai kedudukan yang tinggi di mata negara-negara Asia.⁶

Namun kekerasan tidak pernah digunakan bagi memaksa negara lain untuk menerimanya. Negeri-negeri yang datang menghadap kaisar⁷China adalah atas kehendak rajanya sendiri dan bukan atas faktor paksaan memandangkan hubungan ini dapat menjamin keamanan dan memberikan keuntungan daripada sudut

³Kerajaan China bukan sahaja mengirim diplomat bahkan mereka turut menerima para diplomat dari kawasan serta daerah yang telah Cheng Ho kunjungi. Pada 1433M, hampir sepuluh ke sebelas wakil diplomat asing yang datang ke china dan menetap di Peking sehingga tahun 1436M. Mereka membawa bersama mereka penghormatan seperti zirafah, zebra, burung unta sebagai hadiah yang dipersembahkan kepada pemerintah. Sila lihat L. Carrington Goodrich, *A Short History of the Chinese People*, (Britain: Allen & unwin LTD, 1957), 194.

⁴Hidajat Z.M, *Masyarakat dan Kebudayaan Cina Indonesia*, 55.

⁵Liang Liji, *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming abad ke-15*, 26.

⁶Bangsa Melayu sendiri pernah dikesan di bandar Sanya iaitu di Selatan China yang mana mereka merantau ke China dengan tujuan berniaga. Dikatakan nenek moyang mereka telah mengembara ke sana bagi bagi menjalankan aktiviti perniagaan dan ada juga sebilangan daripada mereka yang menjadi nelayan.Terdapat sebahagian daripada mereka yang menetap terus di sana. Mereka bertutur dalam bahasa Cina tetapi turut diselit perkataan-perkataan bahasa Melayu dalam pertuturan seharian mereka. Sila lihat Haji Yusuf Liu Baojun, *A Glance at Chinese Muslim*, (Kuala Lumpur: Malaysian Encyclopedia Research Center, 1963), 81-82.

⁷Kaisar adalah gelaran kepada pemerintah China iaitu maharaja Sila lihat Kamus Dewan, ed. ke-4. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2011), 656.

ekonomi.⁸Selain itu, penyembahan ufti direncanakan bagi menjaga hubungan diplomatik dengan kawasan luar negeri terutamanya di kawasan Asia Timur Laut dan Asia Tenggara. Oleh itu, para pengusaha ini akan merasa amat berbesar hati sekiranya dapat menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan China.⁹

Hubungan Diplomatik Melaka-China Abad Ke 15

Hubungan diplomatik yang lebih rasmi dilihat berlaku sewaktu Maharaja Ming Cheng Zhu (1403M-1424M) menjadi pemerintah China, baginda berhasrat untuk mengkhabarkan tentang kekuasaan serta kekayaan China yang berada di bawah naungannya di samping ingin menjejaki penguasa sebelumnya iaitu Hwui-Ti yang menghilangkan diri setelah tumpas kepada Cheng Zhu.¹⁰ Sebaik sahaja berita mengenai kehebatan pelabuhan Melaka yang menjadi pusat perdagangan enterpot telah disampaikan pedagang-pedagang muslim dari India Selatan sewaktu singgah di pelabuhan Canton, China beliautelah menjadikan Melaka sebagai sasaran untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan itu.¹¹

Jika dilihat dalam Sejarah Melayu, Maharaja Ming mengambil inisiatif yang paling awal dengan mengirim utusan bagi menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Melaka di samping untuk mengeratkan hubungan persahabatan. Bagi memudahkan urusan tersebut Kaisar Ming turut menggunakan alasan bahawa baginda berketurunan Iskandar Dzul Karnain dan kenyataan tersebut menunjukkan bahawa Maharaja China dan Sultan Melaka adalah serumpun.¹² Sehubungan itu, baginda segera menghantar utusan yang dikenali sebagai Yin C'ing ke Melaka dan beliau tiba di sana pada tahun 1405M.¹³ Yin C'ing tiba di Melaka selepas pulang dari melawat Jawa dan Palembang, beliau singgah di Melaka melalui India dan Samudera pada tahun 1405M bagi menjemput utusan Melaka untuk dibawa ke China.¹⁴

⁸Liang Liji, "Jejak Langkah Sejarah Hubungan Persahabatan dan Diplomasi antara Melaka dan China, Kajian Komparatif Berdasarkan Karya Agung Melayu Sulalat al-Salatin dan Kitab-Kitab Sejarah Lama China" (makalah, Karya Agung Melayu Sulalat al-Salatin dan Hikayat Hang Tuah, Persidangan Kebangsaan, Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, Melaka, 2011), 120.

⁹W.P. Groeneveldt, (2009), *Nusantara Dalam Catatan Tionghoa*, (Komunitas Bambu: Jakarta, 6

¹⁰W.P Groeneveldt,(1876),*Notes on the Malay Archipelago and Mallaca Compiled From Chinese Sources*, (Batavia: W. Bruining, 41(Lihat juga Wang Gungwu, "The Opening of Relations between China and Mallaca 1403-1405" dlm *Sino-Malay Encounter*, ed. Wang Gungwu (Singapore: The Academic Press, 2001), 2-3

¹¹Wang Gungwu, *The Opening Relation Between china and Mallaca (1403-1405)*, 11

¹²W.G. Shellabear, *Sejarah Melayu*, (Fajar Bakti: Kuala Lumpur, 1995), 93-94

¹³John Bastin, Robin W. Winks, (eds.) *Malaysia: Selected Historical Readings*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1966), 6. Lihat juga Buyong bin Adil, *The History of Mallaca*, (Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, 1974), 8

¹⁴Wang Gungwu, *The Opening Relationship Between China and Mallaca*, 11.

Kedatangan wakil China ke Melaka disambut mesra oleh Sultan Melaka sekaligus memberi peluang kepada Melaka untuk melepaskan diri daripada cengkaman Siam. Hal ini kerana Melaka beranggapan China dapat menjadi kuasa yang mampu melindungi Melaka daripada ancaman Siam kerana pada ketika ini China merupakan sebuah negara yang terkuat di Asia. Sehubungan dengan itu, Melaka menyatakan keengganan pihaknya untuk membayar ufti sebanyak 40 tahlil emas kepada Siam. Siam mula memberi amaran untuk mengambil tindakan keras sekiranya Melaka enggan membayar ufti tersebut.¹⁵ Bagi mengatasi masalah tersebut pada 1403M Melaka telah menghantar tiga orang wakil ke China bagi melaporkan tentang persiapan Siam bagi menyerang Melaka. Pada tahun 1405M, Melaka sekali lagi menghantar wakil ke China bagi menyatakan hasrat untuk mempertuan China di samping memohon perlindungan daripada ancaman Siam.¹⁶

Khobar ini telah menimbulkan kemarahan Siam. Siam telah mengirinkan tenteranya ke Melaka dan berjaya merampas stempel kerajaan sehingga menyebabkan orang Melaka hidup dalam kekacauan. Bagi mengatasi masalah ini Maharaja Ming Cheng Zhu telah memerintahkan Siam agar mengembalikan stempel tersebut kepada kerajaan Melaka. Pada tahun 1408M, Cheng Ho telah diutuskan ke Siam bagi menyelesaikan perselisihan di antara Melaka dan Siam. Atas kerjasama dari kerajaan China, akhirnya Siam telah menghantar utusan ke China bagi memohon maaf kepada Maharaja China beserta ucapan terima kasih atas usaha yang dilakukan China.¹⁷ Daripada saat itu kerajaan Ming sentiasa menjaga Melaka daripada ancaman Siam.¹⁸

Setelah kemelut yang dihadapi Melaka berjaya diselesaikan, Cheng Ho dengan rasminya mengiktiraf Parameswara sebagai raja yang sah di samping menolak kekuasaan serta serangan Siam dan Majapahit ke atas Melaka sekaligus memberi pengiktirafan terhadap kekuasaan Melaka.¹⁹ Pada tahun 1405M, Maharaja China telah menganugerahkan batu bersurat sebagai tiang seri negara kepada kerajaan Melaka. Maka dengan itu China menjadi negara pertama yang mengiktiraf kedaulatan Melayu Melaka selepas kerajaan itu ditubuhkan pada 1405M.²⁰

Selepas kunjungan Cheng Ho ke Melaka, Parameswara beserta permaisuri dan diiringi kira-kira 450 orang iringan termasuklah para menteri telah berkunjung

¹⁵Kong Yuanzhi, *Muslim Tionghoa Cheng Ho: Misteri Perjalanan Muhibah di Nusantara*, (Pustaka Populer Obor: Jakarta, 2000), 135

¹⁶Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, 17

¹⁷Kong Yuanzhi, *Muslim Tionghoa Cheng Ho*, 136-137.

¹⁸*Ibid.*

¹⁹Mohd Jamil bin Mukmin, (2004), *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara*, (Institut Kajian Sejarah dan Patritisme Malaysia: Melaka, 64.

²⁰Liang Liji, *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*, (Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, 2009), 46.

ke China dan mereka telah disambut mesra oleh pihak China.²¹ Pada 1409M, Cheng Ho telah datang ke Melaka dengan membawa bersamanya perintah dari kaisar untuk disampaikan kepada Sultan Melaka. Baginda juga dikurniakan dua stempel perak, sebuah topi, sebuah ikat tali pinggang dan sehelai jubah panjang. Cheng Ho juga telah mendirikan sebuah tugu dan mengiktiraf Melaka sebagai sebuah negeri dan dari saat itu negeri tersebut dipanggil sebagai kerajaan Melaka.²²

Sikap Maharaja Ming dan Sultan Melaka yang menggalakkan perdamaian dan keadilan memudahkan lagi urusan serta mengeratkan hubungan dua hala ini. Masing-masing lebih menekankan konsep persahabatan daripada permusuhan. Hubungan di antara negeri-negeri yang berjiran juga sentiasa dipelihara dan sebolehnya menyelesaikan permasalahan dengan baik. Maharaja Ming juga amat menentang keras sebarang pencerobohan yang berlaku tanpa keizinan.²³ Ini adalah slogan yang amat ditekankan oleh Maharaja Ming. Hubungan di antara Kesultanan Melayu Melaka dan Dinasti Ming ini juga disifatkan sebagai hubungan yang paling rasmi jika dibandingkan dengan hubungan yang telah berlaku sebelum itu.²⁴ Hubungan yang berlaku di antara kedua-dua pihak ini merupakan rentetan kepada hubungan yang telah terjalin sebelumnya.²⁵ Hubungan persahabatan yang terjalin juga dikatakan sangat akrab di dalam sejarah kedua-dua bangsa tersebut yang bermula sejak 1400M.²⁶

Oleh itu sepanjang satu abad jelas kelihatan kemesraan yang berlaku diantara kedua belah pihak melalui lawatan-lawatan di raja serta hubungan baik Melaka dan Ming. Empayar Melaka pernah menghantar 13 kali utusan ke China sepanjang tahun 1411M sehingga 1424M. Dikatakan Sultan Melaka yang memegang tampok pemerintahan selama tiga generasi pernah membuat kunjungan muhibah ke China iaitu Parameswara,²⁷ Megat Iskandar Syah²⁸ dan Sri Maharaja.²⁹

²¹Rombongan Melaka dihadiahkan pelbagai barangan berharga dari China seperti kuda berpelana, batu permata, 100 auns emas, 500 auns perak dan 400 000 kwan wang kertas. Sila lihat Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, (Oxford University: London, 1967), 18.

²²Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, (Kuala Lumpur; Universiti Malaya Press, 2010), 321.

²³Liang Liji, *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*, 79-80.

²⁴Sumanto al-Qurtuby, *Arus-Cina-Islam-Jawa*, (Inspeal Ahimsakarya Press: Jogjakarta, 2003), 10.

²⁵Liang Liji, *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*, 45.

²⁶Sumanto al-Qurtuby, *Arus-Cina-Islam-Jawa*, 10.

²⁷Kunjungan pertama berlaku pada 1411M oleh Parameswara, permaisuri beserta pengiring-pengiring istana dan mereka telah menerima layanan yang baik daripada Maharaja China. Menurut Kong Yuanzhi utusan yang mengiringi Parameswara adalah seramai 540 orang diikuti bersama armada Cheng Ho yang ingin berangkat ke China. (Sila lihat Kong Yuanzhi, *Muslim Tionghoa Cheng Ho*, 138-139.)

²⁸Setelah kemangkatan Sultan Melaka pertama pada tahun 1414M, anak baginda yang dikenali sebagai Raja Besar Muda atau lebih dikenali sebagai Sultan Megat Iskandar Syah telah mengambil alih jawatan sebagai sultan. Baginda telah mengadakan lawatan muhibah

Hubungan rapat diantara Melaka dan China berlangsung sehingga 1435M sahaja.³⁰ Bermula 1434M, kerajaan China telah menukar polisi yang mana mereka menghentikan lawatan ke Melaka dan tiada lawatan yang dilakukan oleh Sultan Melaka ke China kecuali pada 1435M oleh Radin Bala yang telah diutuskan ke China dan sewaktu pemerintahan Sultan Mansur Syah (1456-1477M). Dalam tempoh tersebut China mengamalkan dasar tutup pintu buat seketika waktu kerana menghadapi masalah ekonomi yang meruncing terutamanya selepas kematian Maharaja Yung Lo dan Cheng Ho. Setiap daripada aktiviti pelayaran China menjadi terbantut berikutan sekatan yang dikenakan oleh kerajaan China ke atas pelayar dan pedagang yang ingin ke seberang laut.³¹

Penulis melihat hubungan diplomatik yang berlaku antara China dan Melaka adalah satu platform yang berjaya melepaskan Melaka daripada ancaman Siam sekaligus mendapat pengiktirafan sebagai sebuah negara oleh China. Jalanan persahabatan yang berlaku antara kedua-dua buah negara telah memberikan keuntungan yang besar kepada China dan Melaka. Melaka mendapat perlindungan dari China dan bebas untuk menjalankan sebarang aktiviti perdagangan dan perniagaan serta selamat daripada sebarang ancaman luar manakala China mendapat keuntungan dengan kemasyhuran kekuatan kerana mampu mengatasi masalah yang berlaku antara dua buah negara sekaligus dapat mengharumkan nama Maharaja China dan negara. Hubungan diplomatik ini juga telah membantu Melaka menjadi negeri yang lebih kuat dari masa kesemasa sehingga dapat menguasai negeri-negeri yang terdapat di sekitarnya sekaligus menjadi kuasa yang kuat pada abad tersebut. Hubungan ini juga memberi ruang kepada masyarakat Cina di China hadir ke Melaka bagi urusan perdagangan dan kehadiran mereka

ke China mengikut Laksamana Cheng Ho yang berlabuh di Melaka pada 1414M. Baginda mendapat jemputan daripada Maharaja China bagi mengadakan lawatan ke sana dengan tujuan mengiktiraf kedudukan baginda sebagai pengganti kepada Parameswara di samping untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai sultan. Sila lihat Buyong bin Adil, *The History of Malacca: During The Period of the Malay Sultanate*, (Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, 1974), 11. Lihat juga Alijah Gordon, *The Propagation of Islam in the Indonesia-Malay Archipelago*, (Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute, 2001), 41.

²⁹ Apabila Sultan Megat Iskandar Syah mangkat setelah genap 20 tahun menjadi pemerintah, kedudukan baginda digantikan oleh anaknya iaitu Seri Maharaja. Pada April 1424M, baginda bersama isteri beserta barisan menteri telah melawat China. Tujuannya adalah untuk mengkhabarkan tentang kemangkatan ayahnya dan memohon agar baginda diiktiraf sebagai Sultan Melaka. Melaka telah memberikan ufti dan Maharaja Yung Lo turut memberikan hadiah kepada Sultan Melaka dengan tujuan untuk meneruskan hubungan diplomatik di antara dua pihak. Sila lihat Buyong bin Adil, *The History of Malacca*, 14-159. Lihat juga R.O. Winsted, *A History of Malaya*, (Singapore: Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, 1935), 44.

³⁰ Wang Gungwu, *The Opening of Relations between China and Malacca 1403-1405*, 14.

³¹ Ahmad Jelani Halimi, *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 29.

sentiasa diterima baik oleh pemerintah Melaka bagi menjaga hubungan rasmi yang telah terjalin.

Kesenambungan Hubungan Melaka-China Sehingga Kini

Hubungan rasmi antara China dan Melaka sudah berlaku hampir enam ratus tahun lalu. Hubungan ini menjadi bertambah luas dan semakin berkembang sejajar dengan perkembangan semasa. Hubungan politik, diplomatik dan ekonomi ini tidak pernah terhenti walaupun pernah terputus seketika disebabkan faktor dalaman yang dihadapi kerajaan China. Biar pun sehingga ke abad 19 hubungan ini diaktifkan melalui beberapa urusan hubungan diplomatik seperti kunjungan yang dilakukan oleh bekas perdana menteri Malaysia Tun Abdul Razak yang berkunjung ke Beijing dan kunjungan beliau disambut mesra oleh Perdana Menteri Republik China pada ketika itu iaitu Zhou Enlai. Hubungan diplomatik yang rasmi sekali lagi termenterai di antara kerajaan Malaysia dan China.³² Terjalannya kembali hubungan diplomatik pada tahun 1974 ini kedua-dua pemimpin dari kedua buah negara ini sering mengadakan kunjungan dua hala. Antara pemimpin yang China yang pernah mengunjungi Malaysia ialah Deng Xiaoping, Jiang Zemin, Li Peng dan Zu Rongji manakala perdana menteri Malaysia yang mengadakan lawatan ke China adalah Tun Abdul Razak, Tun Hussin Onn dan Tun Mahathir. Kerjasama Malaysia-China berkembang pesat dalam bidang ekonomi sehingga mencecah nilai RM 15 billion. Bahkan Malaysia-China telah menandatangani memorandum persefahaman yang meliputi aspek ekonomi, pendidikan, sains teknologi dan sukan pada abad ke 20³³ dan jalinan kerjasama ini diteruskan sehingga ke abad 21.

Banyak perkara yang tercatat dan tertulis tentang hubungan dua hala yang sepatutnya dibanggakan ini dalam sejarah hubungan diantara kedua-dua negara ini kerana pencapaiannya yang tiada tandingan. China pada hari ini masih lagi dikenali sebagai sebuah kuasa ulung di dunia. Kekuatan China dilihat sebagai satu mekanisme penting bagi membantu Melaka lebih ke arah kemajuan dan berdiri sebagai satu tunjang kuasa yang ulung di Malaysia. Memandangkan Melaka adalah negeri yang penuh dengan sejarahnya yang tersendiri maka sangatlah wajar sekiranya segala harta warisan tinggalan kesultanan Melayu Melaka ini dipelihara dengan sebaiknya sebagai tatapan generasi muda yang cuba mengenali asal usul mereka.

Sehubungan itu, penulis melihat hubungan baik yang dijalinan Melaka-China hari ini adalah kesinambungan daripada hubungan yang pernah terjalin satu masa dahulu. Beberapa perancangan telah dijalankan bagi meneruskan jalinan hubungan ini melalui usaha pementeraan memorandum persefahaman MoU. Bahkan beberapa projek usaha sama yang memberi keuntungan kepada dua pihak

³²Kong Yuanzhi, *Pelayaran Zheng He dan Alam Melayu*, Bangi: UKM, 125

³³Kong Yuanzhi, *ibid*, 130

akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat bagi kemajuan ekonomi dan perindustrian kedua pihak. Sepanjang lawatan kerja penulis selama tujuh hari ke China yang mana penulis bersama lawatan kerja ketua menteri Melaka Datuk Seri Utama Ir Idris Haron dan exco kerajaan negeri Melaka penulis bersama delegasi ini telah mengunjungi enam wilayah iaitu Dongguan, Zhuhai, Hangzhou, Xiamen, Shenzhen dan Shanghai. Lawatan yang berlaku ini adalah berdasarkan kepada hubungan persahabatan antara Melaka dan China yang telah terjalin sejak empat puluh tahun yang lalu.

Penganjuran lawatan kerja ini juga disebabkan oleh memorandum perjanjian persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani antara Melaka dan Guangdong. Sehubungan itu, hubungan dua hala Melaka dengan wilayah Guangdong juga diadakan bagi mendapatkan maklum balas terbaru berkenaan perkembangan pelaksanaan perjanjian Melaka-Guangdong yang telah ditanda tangani sebelum itu bagi memastikan pelaksanaan pelan tindakan di bawah Jawatankuasa Pemandu Melaka Guangdong (MAGIC). Lawatan kerja ini juga dilihat sebagai satu langkah untuk mempromosikan Melaka sebagai sebuah destinasi pelancongan terunggul di rantau Asia serta menarik lebih ramai lagi pelancong asing ke negeri ini selaras dengan sasaran kerajaan negeri untuk menarik 16.5 juta pelancong ke Melaka menjelang tahun 2016.³⁴ Hubungan yang termentarai ini adalah kesinambungan daripada hubungan yang telah tercipta sejak empat puluh tahun lalu yang dicituskan oleh Tun Abdul Razak dan diteruskan sehingga ke hari ini. Secara keseluruhannya, lawatan kerja di China 2016 ini merangkumi beberapa aspek utama yang melibatkan hubungan diplomatik, ekonomi dan politik kedua buah kerajaan.

Hubungan Diplomatik

Lawatan kerja yang pertama diadakan di Guangzhou Housing & Urban Rural Construction Committee dengan tujuan untuk memgetahui dengan lebih lanjut tentang sektor perumahan di China dengan penggunaan teknologi yang terbaru. Beberapa perkara baru telah dipelajari oleh penulis dan delegasi Melaka yang turut serta dalam lawatan kerja ini antaranya seperti kaedah yang digunakan kerajaan Guangdong untuk menggalakan rakyat bekerjasama dengan pihak kerajaan bagi meralisasikan pembangunan ekonomi di Guangzhou.

Selain itu, satu jawatankuasa telah ditubuhkan yang dilantik daripada kalangan rakyat dan professional dalam pelbagai bidang kepakaran untuk menyumbang idea serta pandangan mengenai pembangunan yang dilaksanakan. Oleh itu secara tidak langsung usaha ini menggalakan rakyat dan kerajaan bersama-sama membina dan menikmati pembangunan yang dilakukan di Guangzhou. Lawatan kerja oleh delegasi Melaka ini berjaya menjalinkan kerjasama di antara Lembaga Perumahan Melaka dan Guangzhou Housing &

³⁴Lawatan rasmi penulis ke China pada 20-26 November 2016 (lihat juga Melaka Hari Ini, *Perkukuh Hubungan Melaka-China*, 21 November 2016, 3)

Urban Rural Construction Committee dalam pelbagai aspek pembangunan sektor perumahan bagi kedua-dua pihak.³⁵

Jika dilihat kembali kepada zaman Kesultanan Melayu Melaka, lawatan pertama Sultan Melaka iaitu Parameswara ke China (1411M), Maharaja China telah menghadiahkan beberapa tukang Cina yang beragama Islam dan sekembalinya mereka ke Melaka bangunan-bangunan masjid didirikan.³⁶ Setiap kali pelayaran Cheng Ho ke negara yang dikunjungi beliau membawa bersama bahan binaan dan pelan reka bentuk seni bina dari China.³⁷ Pada tahun 1409M, Cheng Ho dikatakan telah membawa bersama barangan yang digunakan untuk aktiviti pembinaan seperti jubin seramik bumbung yang direka khas untuk menampung bumbung istana raja Melayu.³⁸ Jubin-jubin yang digunakan pada peringkat awal untuk tujuan pembangunan di Melaka sememangnya dibawa khusus dari China.³⁹ Menurut Hwang Chung,⁴⁰ sebahagian besar pembangunan yang terdapat di Melaka iaitu istana dan masjid telah dibangunkan mengikut reka bentuk dari China dengan menggunakan bahan binaan yang dibawa oleh Cheng Ho.⁴¹ Sehubungan itu boleh dikatakan bahawa hubungan yang melibatkan pembuatan dan pertukangan ini telah bermula sejak abad ke-15 dan berlanjutan seinggalah ke zaman era abad ke-21 ini.

Kerjasama Sektor Ekonomi

Pihak Xinyi Energy Smart yang sebelum ini pernah melabur dalam projek hartanah di negeri Melaka sekali lagi bersetuju untuk menambah pelaburan sebanyak RM 800 juta di Melaka dengan membeli 91.968 ekar tanah di Elkay Industrial Park, Lipat Kajang. Pembelian ini adalah hasil daripada pementeraan perjanjian persefahaman yang ditandatangani Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) dan Xinyi Glass Holding Limited. Pelaburan yang dilakukan China ini akan menjadikan Melaka sebagai pusat pengeluaran kaca yang berteknologi tinggi yang pertama di luar China dan terbesar di negara Asean. Selain itu, Melaka turut mempelawa pihak Xinyi Glass untuk bekerjasama dan melabur dalam bidang tenaga yang diperbaharui. Sepanjang lawatan yang dilakukan Melaka sentiasa

³⁵Lawatan rasmi penulis ke China pada 20-26 November 2016 (lihat juga Melaka Hari Ini, *Perkukuh Hubungan Melaka-China*, 21 November 2016, 3)

³⁶Hamka, *Sejarah Umat Islam*, (Pustaka Antara: Kuala Lumpur, 1980), 447.

³⁷Kohl, David G, *Malaysia's Architectural Heritage*, 2-3.

³⁸Moorehead, F.J, *A History of Malaya and Her Neighbours*, (Longmans, Green: London, 1957), 123-125.

³⁹Lamprey, M.B, *On Chinese Architecture*, (t.tp., t.p, 1867), 157-176.

⁴⁰Merupakan penulis sejarah yang menulis berkenaan pelayaran di Melaka pada tahun 1537M

⁴¹Alexander Wain, "Chinese Muslims and The Conversation of Malacca To Islam," (prosiding, International Proceeding of Economic Development and Research (IPEDR), The University Of Oxford, v.51, 2012), 5.

mencari peluang bagi menjana peluang pelaburan yang dijangka dapat memberikan keuntungan kepada kedua buah kerajaan antaranya seperti hartanah, pembuatan, perkapalan dan teknologi hijau selain daripada menjadi satu langkah untuk mempromosikan sebagai pusat pelancongan. Bahkan negara China sememangnya menjadi penyumbang besar kepada kehadiran pelancong di Melaka.⁴²

Melaka juga turut merencana untuk melancarkan aktiviti pelancongan di antara dua negara ini dengan membina penerbangan terus dari Xiamen ke Lapangan Terbang Batu Berendam sebagai satu kaedah untuk mempromosikan Melaka sebagai pusat pelancongan utama di Malaysia. Melaka menyasarkan kedatangan satu juta pelancong dari China dan berdasarkan rekod pelancongan kerajaan Melaka, negeri ini telah menerima seramai 869 000 pelancong pada tahun 2016.⁴³ Berdasarkan kepada rekod kedatangan pelancong China ke Malaysia angka ini hanya mencecah 200 000 ribu rakyat China ke Malaysia dan angka ini sentiasa bertambah dan tidak pernah berkurang.⁴⁴ Lawatan Cheng Ho ke Melaka juga pernah mencecah angka 27 000 orang pada satu masa.⁴⁵ Hal ini membuktikan bahawa Melaka sememangnya menjadi lokasi tumpuan masyarakat Cina sejak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka sehinggalah ke hari ini. Bahkan angka ini sentiasa bertambah dengan usaha dan promosi pihak kerajaan bagi memastikan ekonomi Melaka yang berasaskan pelancongan ini terusan meningkat.

Promosi Melaka Sebagai Usaha Memperkembangkan Pelancongan Negara Malaysia

Lawatan penyelidikan ke Zhuhai ke Zuhai International Circuit adalah bertujuan untuk melihat perkembangan kepada Projek Pusat Kebudayaan dan Pelaburan negeri Melaka yang telah dilancarkan pada Mac 2016 yang lalu. Projek Pusat Kebudayaan dan Pelaburan Negeri Melaka ini melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RMB 36 hingga RMB 8.3 dengan keuntungan cukai sebanyak RMB 7. Muzium Kebudayaan Meaka yang terletak di International Circuit telah dibuka sejak Mac 2016 telah menerima seramai 79 000 pengunjung. Pihak Guangdong juga memberi tawaran untuk menjadikan Muzium Kebudayaan Melaka di China sebagai pusat perwakilan Melaka di wilayah tersebut. Delegasi Melaka juga turut mencadangkan agar diadakan satu penganjuran Melaka International Food Festival dengan kerjasama dari pihak Zhuhai sendiri.⁴⁶

Usaha memperkenalkan makanan dan budaya adat Melayu ini sentiasa dilakukan oleh duta-duta yang dihantar oleh Sultan Melaka ke luar negara.

⁴²Melaka Hari Ini, *Perkukuh Hubungan Melaka-China*, 22 November 2016, 3

⁴³Lawatan rasmi penulis ke China pada 20-26 November 2016 (lihat juga Melaka Hari Ini, *Perkukuh Hubungan Melaka-China*, 25 November 2016, 3)

⁴⁴Kong Yuanzgi, (2010), *Pelayaran Zheng He dan Alam Melayu*, Bangi: UKM, 131

⁴⁵Kong Yuanzgi, *ibid*, 69

⁴⁶Melaka Hari Ini, *Perkukuh Hubungan Melaka-China*, 23 November 2016, 3

Sepanjang pelayaran yang dilakukan, Hang Tuah dan timbalannya sangat berbangga untuk memperkenalkan rempah dan makanan ke setiap negara yang dikunjungi termasuklah Mesir. Setiap pelayaran yang berlaku juga adalah untuk tujuan diplomatik yang mana beliau ditugaskan sebagai penghubung kepada kerajaan Melaka dan negara dikunjungi. Beliau telah mengetuai pertemuan diplomatik dengan beberapa buah negara antaranya Majapahit, Keling, China, Cheylon, Berunai, Aceh, Mesir dan Rom.⁴⁷ Bahkan Tun Papatih yang dihantar ke China telah memperkenalkan sayur kangkung secara tidak langsung kepada orang China walaupun niat beliau pada ketika itu adalah sekadar untuk menunjukkan kebijaksanaan orang-orang Melayu kepada Maharaja China dengan memakan kangkung sambil mendongak kepala ke langit dengan tujuan untuk melihat wajah maharaja yang tidak dibenarkan untuk ditatap.⁴⁸ Usaha untuk memperkenalkan makanan Melaka dilihat sebagai satu langkah promosi yang baik. Makanan Melayu yang diperkenalkan di China akan menarik jumlah pelancong China ke Melaka kerana tarikan yang ada pada makanan tersebut akan dapat menimbulkan perasaan ingin tahu terhadap keunikan Melaka dan Malaysia itu sendiri.

Penjanaan Hubungan Pendidikan

Daripada aspek pendidikan Melaka berhasrat untuk membina sebuah universiti penerbangan di Melaka dengan kerjasama Universiti Beihang. Sehubungan itu, Melaka akan memangkinkan industri penerbangan yang berkonsepkan pendidikan bagi melahirkan rakyat Malaysia yang mahir dalam bidang penerbangan dan pembuatan kapal terbang yang berkualiti tinggi.⁴⁹ Selain itu, pendidikan dianggap sebagai satu cabang yang menjadi penentu kepada tahap kemajuan negeri Melaka itu sendiri. Kunjung hormat ke Universiti Xiamen bertujuan untuk melakarkan hala tuju pendidikan Melaka. Universiti Xiamen dijadikan contoh ulung bagi melahirkan Melaka sebagai hab pendidikan terunggul di Malaysia khususnya dan Asia Tenggara amnya. Kejasama ini juga turut menggalakkan pembukaan cawangan Universiti Xiamen di Melaka.⁵⁰

Jika ditelusuri kembali zaman Kesultanan Melayu Melaka, penggunaan Bahasa Melayu adalah satu kewajipan di pelabuhan Melaka telah membawa kepada penubuhan Jabatan Bahasa Melaka yang memfokuskan kepada pembelajaran Bahasa Melayu yang diwajibkan kepada orang-orang Cina yang berdagang di Melaka dan tujuan penubuhan jabatan ini sudah semestinya untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara Melaka-China. Kakitangan istana

⁴⁷ Muhammad Salleh, (2011), *The Epic of Hang Tuah*, Institut Terjemahan negara Malaysia: Kuala Lumpur, xxi

⁴⁸ Sejarah Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, 89-96

⁴⁹ Lawatan rasmi penulis ke China pada 20-26 November 2016 (lihat juga Melaka Hari Ini, *Perkukuh Hubungan Melaka-China*, 23 November 2016, 3)

⁵⁰ Lawatan rasmi penulis ke China pada 20-26 November 2016 (lihat juga Melaka Hari Ini, *Perkukuh Hubungan Melaka-China*, 2 November 2016, 2)

dilatih untuk bercakap dan memahami Bahasa Melayu supaya memudahkan urusan terjemahan bahasa memandangkan Bahasa Melayu pada ketika itu adalah bahasa perhubungan antarabangsa dan sangat penting daripada aspek ekonomi bahkan China turut menghasilkan kamus Cina-Melayu dengan mengumpulkan 482 perbendaharaan bahasa bagi memudahkan penguasaan ke atas Bahasa Melayu.⁵¹Penubuhan jabatan bahasa ini juga disebabkan kesedaran Maharaja China yang memikirkan akan kepentingan Bahasa Melayu ini selain bertujuan untuk menjaga hubungan dua hala ini. Bahasa Melayu dipandang tinggi dan ilmu pendidikan ini juga berjaya dikembang luas sehingga dianggap sebagai bahasa penting yang harus dipelajari bagi memudahkan urusan seharian.

Pengukuhan Hubungan Perdagangan

Delegasi Melaka ke Xiamen telah membawa kepada pembinaan kemudahan pelabuhan, terminal untuk memakir kapal cruise selain turut merancang pambuan laluan penerbangan baru dari Xiamen terus ke Melaka. Kejayaan dalam merangka rencana ini akan membawa kepada kegemilangan hubungan Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan Dinasti Ming yang tercipta melalui hubungan perdagangan dan kerjasama politik. Pelabuhan Xian yang terletak di Xiamen merupakan pelabuhan keenam terpenting di China dan menjadi pelabuhan ke enam belas terpenting di dunia. Kerajaan melaka telah menjadikan dua pelabuhan terkenal di China iaitu pelabuhan Xiamen dan pelabuhan Shenzhen sebagai contoh untuk memajukan pelabuhan Melaka daripada aspek kemudahan dan membina gateway Melaka setaraf dengan dua pelabuhan utama di China.⁵²Melaka akan membina pelabuhan sendiri dengan merujuk kepada kehebatan elabuhan Xiamen beserta khidmat nasihat yang diberikan wakil dari Xiamen. Pembangunan pelabuhan ini dilihat dapat mengembalikan semula zaman kegemilangan Melaka yang pernah menjadi pusat pelabuhan berasaskan aktiviti perdagangan yang terkemuka di dunia. Selain itu penulis turut mengadakan lawatan ke Muzium Maritim Cheng Ho bagi melihat kesan tinggalan kapal dan aktiviti pelabuhan yang pernah menjadi aktiviti perdagangan yang utama di Quanzhou yang merupakan lokasi permulaan kepada pelayaran Cheng Ho.⁵³

⁵¹Obaidellah Mohamad, (2008), Kesultanan Melaka: Dari Bahan Sejarah Melihat Aspek Ekonomi dlm *Polemik Sejarah*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 312-313 (Lihat juga Liang Liji, (2009), Hubungan Empayar Melaka Dinasti Ming Abad ke 15, Bangi: UKM, 84-85)

⁵²Lawatan rasmi penulis ke China pada 20-26 November 2016 (lihat juga Melaka Hari Ini, *Perkukuh Hubungan Melaka-China*, 25 November 2016, 3)

⁵³Lawatan penulis ke Muzium Maritim pada 25 November 2017

KESIMPULAN

Hubungan Melaka-China merupakan satu platform yang memberikan keuntungan kepada kedua-dua pihak yang masing-masing pada ketika itu saling memerlukan bagi memelihara kedaulatan kerajaan. Hubungan yang selama berates tahun ini tidak pernah berakhir bahkan kesinambungannya boleh dilihat berlaku sehingga ke hari ini. Hubungan di antara Melaka dan China tidak didorong oleh perasaan hagemoni dan niat untuk menjajah serta menominasi Melaka. Sikap yang salinng ditonjolkan ini lebih berbentuk hormat-menghormati dengan mengiktiraf kedudukan dan kewibawaan kerajaan dan budaya masing-masing. Bentuk-bentuk hubungan luar ini juga adalah pengukuhan dalam bentuk hubungan persahabatan yang dijalinan diantara kerajaan Melaka dengan negara-negara yang sama taraf dengan kedudukan Melaka. Bagi menjamin kedudukan kerajaan, Melaka mengambil inisiatif dengan menjaga hubungannya dengan negara-negara di bawah naungannya. Hasil daripada usaha tersebut Melaka lahir sebagai pusat perdagangan dunia yang terkaya di Asia Tenggara serta terpelihara dengan sebarang ancaman dan anasir luar.

Apa yang boleh disimpulkan oleh penulis, Melaka-China adalah dua buah kerajaan yang sejak dari awal lagi memerlukan antara satu sama lain bagi menjana kekuatan ekonomi, politik, perdagangan dan hubungan diplomatik. Sejak daripada awal kewujudan Melaka lagi China telah menjangkakan akan kepentingan Melaka sebagai pusat pelabuhan dunia, sangkaan China sememangnya tepat dan didahului dengan perencanaan kepada hubungan diplomatic memandangkan Melaka pada saat itu sememangnya memerlukan satu kuasa kuat untuk berlindung daripada ancaman Siam. Kebijaksanaan pewaris takhta Srivijaya iaitu Parameswara yang sejak dari awal lagi mahu bebas daripada kongkongan mana-mana pihak menyedari akan kekuatan yang dimiliki China dan kehebatantersebut sudah tentu dapat membantu Melaka agar bebas dari ancaman Siam. Usaha sama hubungan ini Berjaya bahkan sentiasa gemilang tanpa berlaku sebarang salah faham atau pertumpahan darah.

Hubungan ini kemudiannya terputus seketika disebabkan faktor-faktor tertentu tetapi menjelang abad ke 20, pemimpin Malaysia telah menyatukan kembali hubungan diplomatik yang telah terputus sebelum ini dan hubungan tersebut membawa kepada beberapa kerjasama yang memberikan keuntungan besar kepada kedua-dua pihak. Apa yang boleh dikatakan kedua-dua buah kerajaan ini memerlukan satu sama lain yang mana jika dilihat pada konteks semasa, China memerlukan Melaka untuk melakukan pelaburan manakala Melaka memerlukan China untuk mendapatkan petunjuk dan pelaburan daripada China. Oleh itu, hubungan yang telah berlaku sejak 600 tahun lagi adalah hubungan yang rasmi dan penuh dengan kegemilangannya yang tersendiri bahkan hubungan ini akan diteruskan generasi akan datang bagi memastikan kesinambungan kerjasama ini terus berjalan tanpa ada sebarang halangan dan ancaman.